

kids  
off the  
couch




Technological aid: Henry Bush is shown information on an iPad by Goulburn Valley Health intern Dr Hashrul Hashul.

## Tablets prescribed

IPADS MAKE IT EASIER FOR DOCTORS TO SHARE INFORMATION WITH PATIENTS

access information such as patient details, history and test results. Henry doctor Hashul arrived at the Shepparton hospital in January. Dr Hashul hoped that the iPad project would start the iPad project in United States hospitals were making the idea. "I realised that every hard to handle for scans and X-rays. The iPad's more hospital doctors would join the project this year. Doctors use the hospital's internet on their iPads to access information. We fully optimised the server to be accessed on the iPad. Dr Hashul said everyone gets used to change to get used to it. Dr Hashul said the project had exceeded the staff's expectations to see the iPad. He also said patient education is a part of the iPad project."

Dr Hashul said the only issue at the moment was downloading "radiology images."



Dr Hashrul dan Dr Ameera adalah rakyat Malaysia yang kini bertugas di Hospital Goulburn Valley di Melbourne.

Keratan akhbar Australia melaporkan mengenai sistem memantau pesakit melalui iPad hasil inovasi Dr Hashrul.

BIA 24/9/12 M.S.8.

# Pantau pesakit guna iPad

» Hasil ciptaan doktor rakyat Malaysia dapat perhatian media Australia

**Ueh Shaarani Ismail**  
shaarani@bharian.com.my

**Kuala Lumpur**

Seorang doktor rakyat Malaysia yang bertugas di Hospital Goulburn Valley, di Melbourne, Australia berjaya mencipta kaedah pantauan rekod pesakit menggunakan komputer tablet dan iPad atau iPhone.

Dr Hashrul Nizam Zainul Rashid, 27, mengambil masa kira-kira lapan bulan menghasilkan sistem khas yang dinamakan ColdFusion itu. Ia membolehkan doktor me-

mantau dan memberikan penjelasan kepada pesakit perkembangan kesihatan mereka menggunakan gajet berkenaan.

**Kurangkan masa analisis**  
Melalui sistem itu, doktor bertugas tidak perlu menunggu masa lama menganalisis masalah pesakit selepas ujian, sebaliknya memantau keputusan ujian melalui sistem yang dibangunkan secara khusus itu.

"Sebelum ini doktor mengambil masa menunggu keputusan ujian makmal dengan mengambil butiran di pangkalan. Doktor juga perlu menunggu giliran menggunakan komputer kerana ia hanya boleh diakses oleh seorang pengguna saja pada satu-satu masa.

"Dengan adanya sistem ini, sejurus data pesakit diterima,

kami bukan saja boleh memberitahu pesakit, malah mereka sendiri boleh melihat dengan lebih jelas perkembangan kesihatan melalui paparan pada iPad.

"Selain itu, ia boleh diakses oleh pegawai perubatan yang mempunyai nama daftar masuk (login) khas secara serentak bagi melihat keputusan ujian dan boleh dijelaskan terus kepada pesakit. Cara ini memudahkan kami menjelaskan perkembangan atau masalah kepada pesakit," katanya ketika dihubungi di Melbourne.

Bekas murid Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Melawati itu menyambung pengajian peringkat persediaan di Kolej MARA Banting dan melanjutkan pelajaran ke Fakulti Perubatan Universiti Monash, Melbourne.

**Inovasi ciptaan dapat perhatian media Australia**  
Beliau yang memulakan tugas di hospital itu sejak Januari lalu, berkata inovasi ciptaannya mendapat perhatian media Australia dan menjadi rakyat Malaysia pertama memperkenalkan kaedah berkenaan.

Dr Hashrul berkata, sistem itu dibangunkan dengan kerjasama jabatan teknologi maklumat hospital berkenaan dan dibantu isterinya, Dr Ameera Syazana Amiruddin yang juga seorang pegawai perubatan rakyat Malaysia.

"Sistem ini beroperasi menggunakan kemudahan jaringan internet tanpa wayar yang disediakan hospital. Pada awalnya pihak hospital bimbang keselamatan data, namun ia tidak berlaku kerana maklumat hanya boleh diakses oleh doktor yang mempunyai nombor pengenalan khas," katanya.

